

08 OCT 2001

LIMA-Penganjur

LIMA 01 AKAN CATAT KEJAYAAN, KATA PENGANJUR

LANGKAWI, 8 Okt (Bernama) -- Penganjur Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2001 yakin bahawa pameran itu akan meraih kejayaan besar walaupun beberapa syarikat menarik diri berikutan serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas.

Pengerusi Eksekutif Le Proton Datuk Radzi Manan berkata tindakan syarikat-syarikat multinasional seperti CASA dari Sepanyol, Gulfstream dan Kaman dari Amerika Syarikat menarik diri tidak banyak menjejaskan jangkaan kejayaan pameran dua tahun sekali itu.

"Kejayaan LIMA 2001 tidak bergantung kepada negara-negara tertentu," katanya pada majlis taklimat untuk wartawan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), venue utama bagi segmen udara, di sini, hari ini.

Beberapa syarikat udara dan pasukan aerobatik menarik diri daripada LIMA 2001, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Segmen maritim LIMA 2001 akan diadakan di Tanjung Malai.

Pasukan aerobatik terkenal dunia, Red Arrows dari Britain dan Thunderbirds dari Amerika Syarikat, menarik diri daripada pameran itu. Persembahan aerobatik akan dilakukan oleh pasukan Penyelidikan Penerbangan Gromov dari Rusia dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Syarikat-syarikat itu berbuat demikian ekoran ketidaktentuan yang melanda dunia apabila Amerika Syarikat membuat persediaan untuk menyerang Afghanistan yang disyaki melindungi jutawan Arab Saudi, Osama bin Laden, yang didakwa mendalangi serangan 11 Sept itu.

Amerika Syarikat menyerang Afghanistan hari ini.

Radzi berkata pameran menjangkakan bilangan syarikat yang menyertai LIMA 01 akan melebihi 300 kerana ia masih menerima penyertaan pempamer pada saat-saat akhir.

Menurutnya penyertaan pada tahun ini sebenarnya meningkat 10 peratus berbanding pameran pada dua tahun lepas.

"Acara tahun ini adalah lebih besar dan akan lebih berjaya berbanding dua tahun lepas. Persediaan menghadapinya adalah lebih mengagumkan dan agresif," katanya sambil menyatakan keyakinan pameran terhadap LIMA tahun ini.

Ditanya bilangan pesawat yang menyertai LIMA 2001 selepas beberapa syarikat menarik diri, beliau berkata terdapat kira-kira 30 pesawat dari semua pembuatan dan reka bentuk termasuk lima dari Amerika Syarikat.

Pesawat Super Hornet FA-18 E/F Boeing akan tiba esok manakala dua pesawat Eagle FA-15 dan sebuah pesawat pengangkut dari Amerika Syarikat telah tiba.

Ketibaan pesawat Super Hornet dijangka menjadi tumpuan para pengunjung ke LIMA 2001 memandangkan pesawat pejuang itu adalah saingan pesawat SU-30 MK dari Rusia yang merupakan dua pilihan utama TUDM dalam membeli jet pejuang yang baru.

Pameran itu juga menampilkan BAE Systems dari Britain serta Rooivalk dari Afrika Selatan yang mahu menjual helikopter penyerang itu kepada TUDM.

Radzi berkata beliau yakin dengan kejayaan LIMA 01 berdasarkan bilangan tempahan bilik di pulau ini.

Menurutnya hotel-hotel di sini mencatatkan hampir 90 peratus pendaftaran masuk daripada pengunjung yang telah membuat tempahan bilik mereka.

-- BERNAMA

MHI NAK